Pendakwa Raya lwn Siprianus Nahak Lutan dan satu lagi

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO A-05(H)-367–07 TAHUN 2024
CHE MOHD RUZIMA, AZMI ARIFFIN DAN ISMAIL BRAHIM HHMR
14 MAC 2025

Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap hukuman — Responden-responden mengaku salah bagi kesalahan penyeludupan pendatang asing tanpa izin ('PATI') — Hakim Mahkamah Tinggi menjatuhkan hukuman pemenjaraan selama 54 bulan dari tarikh tangkap — Sama ada responden-responden memainkan peranan utama dalam penyeludupan PATI — Sama ada kesalahan penyeludupan PATI berleluasa — Sama ada jenayah penyeludupan yang dijalankan oleh responden-responden berskala besar dan merupakan suatu kesalahan serius — Sama ada hukuman pemenjaraan yang dijatuhkan oleh hakim Mahkamah Tinggi adalah tidak berpadanan atau setimpal — Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 s 26A — Kanun Keseksaan s 34

Kedua-dua responden telah dituduh di bawah s 26A Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 ('Akta 670') dan dibaca bersama s 34 Kanun Keseksaan atas kesalahan menjalankan penyeludupan ke atas 35 orang pendatang asing tanpa izin ('PATI tersebut'). Selain daripada responden-responden, terdapat juga tertuduh-tertuduh lain yang didakwa atas kesalahan-kesalahan di bawah peruntukan-peruntukan yang lain yang melibatkan PATI tersebut. Keterangan daripada kesemua PATI tersebut menyatakan bahawa kedua-dua responden merupakan individu utama yang telah mengatur pergerakan mereka dari Selangor hingga ke rumah transit dan seterusnya ke pesisir pantai Segari untuk menaiki bot. Responden-responden telah mengaku salah bagi pertuduhan yang dikenakan terhadap mereka. Dalam hujahan mitigasi mereka, kedua-dua responden masing-masing menyatakan mereka mempunyai isteri, dua orang anak, dan ibu bapa di bawah tanggungan mereka. Setelah mendengar hujahan pihak-pihak, hakim Mahkamah Tinggi ('HMT') menjatuhkan hukuman pemenjaraan selama 54 bulan bermula dari tarikh tangkap. Terkilan dengan hukuman yang dikenakan, pendakwa raya telah memfailkan rayuan semasa.

Diputuskan, membenarkan rayuan pendakwa raya, mengenepikan hukuman yang dijatuhkan oleh HMT dan menggantikannya dengan hukuman pemenjaraan selama sembilan tahun dari tarikh tangkap (8 Julai 2023):

(1) Berdasarkan kepada fakta kes, kedua-dua responden memainkan peranan utama di dalam mengatur pergerakan kesemua PATI tersebut

dari Selangor hingga ke rumah transit dan seterusnya ke pesisir pantai Segari untuk menaiki bot. Mereka juga mengawasi pergerakan kesemua PATI berjalan di dalam hutan dengan menggunakan parang. Semua PATI tersebut dikehendaki mengikut semua arahan kedua-dua responden semasa berada di tepi pesisir pantai tersebut. Mereka juga turut menerima ganjaran daripada tertuduh keempat dan tertuduh kelima daripada pekerjaan tidak sah yang mereka lakukan ini. Perbuatan mereka ini tidak boleh dipandang ringan meskipun diakui pengakuan salah mereka telah menjimatkan masa dan kos kesemua pihak (lihat perenggan 34).

(2) Tambahan lagi, sejak kebelakangan ini kesalahan jenayah yang melibatkan penyeludupan migran sering berlaku dan semakin berleluasa. Penyeludupan migran adalah dianggap jenayah rentas sempadan yang kritikal pada ketika ini. Ia merupakan suatu kesalahan serius dan mampu menjadi ancaman kepada keselamatan, kestabilan dan keamanan negara Malaysia ekoran daripada peningkatan kes-kes jenayah yang membabitkan warga asing terutamanya di bandar-bandar besar. Penguatkuasaan tegas dan berterusan harus diambil dengan segera oleh pihak berkuasa bagi membendung dan membanteras gejala jenayah ini sebelum ianya menjadi lebih parah lagi. Mahkamah juga harus mengambilkira bahawa jumlah migran yang terlibat dalam kes semasa adalah sebanyak 35 orang dan ini jelas menunjukkan bahawa penyeludupan yang dijalankan kedua-dua responden ini adalah di dalam skala yang besar (lihat perenggan 35–36).

(3) Bagi menangani masalah penyeludupan migran ini, kerajaan Malaysia telah mengambil beberapa langkah drastik bagi mengekang jenayah ini daripada terus menular, antaranya, Parlimen Malaysia pada 22 Februari 2022 telah meluluskan pindaan kepada Akta 670 dengan menaikkan hukuman pemenjaraan bagi kesalahan penyeludupan migran di bawah s 26A Akta 670 daripada 15 tahun kepada 20 tahun (lihat perenggan 37).

(4) Setelah mendengar penghujahan lisan kedua-dua pihak berkaitan hukuman dan setelah mengambil pertimbangan faktor kepentingan awam, keseriusan kesalahan dan mitigasi kedua-dua responden, mahkamah mendapati hukuman pemenjaraan yang dikenakan oleh HMT adalah tidak berpadanan atau 'manifestly inadequate' dengan kesalahan yang telah dilakukan. Dalam menetapkan tempoh hukuman yang setimpal, mahkamah juga telah merujuk kepada 'trends' hukuman duluan sebagai panduan yang amat bernilai meski pun ianya tidak mengikat (lihat perenggan 38–39).

[English summary

Both the respondents were charged under s 26A of the Anti-Trafficking in Persons and Anti-Smuggling of Migrants Act 2007 ('Act 670') read with s 34 of

the Penal Code for the offence of smuggling 35 illegal immigrants ('the said PATI'). Apart from the respondents, there were also other accused who were charged with offences under other provisions involving the said PATI. The evidence from all the said PATI stated that both the respondents were the main individuals who had arranged their movement from Selangor to the transit house and then to the Segari coast to board the boat. The respondents pleaded guilty to the charges against them. In their mitigation submissions, both the respondents each stated that they had a wife, two children, and parents under their care. After hearing the submissions of the parties, the High Court judge ('the HCJ') sentenced them to imprisonment for 54 months commencing from the date of arrest. Aggrieved with the sentence imposed, the public prosecutor had filed the present appeal.

Held, allowing the public prosecutor's appeal, setting aside the sentence imposed by the HCJ and replacing it with a sentence of imprisonment for nine years from the date of arrest (8 July 2023):

(1) Based on the facts of the case, the two respondents played a major role in arranging the movement of all the PATI from Selangor to the transit house and then to the Segari coast to board the boat. They also supervised the movement of all the PATI walking in the forest using machetes. All the PATI were required to follow all the instructions of the two respondents while on the coast. They also received rewards from the fourth and fifth accused for the illegal work they did. Their actions could not be taken lightly even though it was acknowledged that their guilty plea saved time and costs for all parties (see para 34).

(2) Furthermore, in recent times, criminal offences involving migrant smuggling had occurred frequently and were becoming more widespread. Migrant smuggling was considered a critical cross-border crime. It was a serious offence and could pose a threat to the security, stability and peace of Malaysia due to the increase in criminal cases involving foreigners, especially in big cities. Strict and continuous enforcement should be taken immediately by the authorities to curb and eradicate this criminal phenomenon before it becomes even worse. The court should also take into account that the number of migrants involved in the present case was 35 people and this clearly showed that the smuggling carried out by these two respondents was on a large scale (see paras 35–36).

(3) To address the problem of migrant smuggling, the Malaysian government had taken several drastic steps to prevent this crime from spreading further, inter alia, the Malaysian Parliament on 22 February 2022 approved an amendment to Act 670 by increasing the prison sentence for migrant smuggling offences under s 26A of Act 670 from 15 years to 20 years (see para 37).

(4) After hearing oral submissions from both parties regarding the sentence and after considering the factors of public interest, seriousness of the offence and mitigation by both respondents, the court found that the imprisonment sentence imposed by the HCJ was manifestly inadequate to the offence committed. In determining the appropriate sentence, the court also referred to previous sentencing trends as a valuable, albeit non-binding, guide (see paras 38–39).]

Kes-kes yang dirujuk

Ajiman bin Rahman lwn Pendakwa Raya (MRRJ No B-05(H)-477–10 Tahun 2023) (tidak dilaporkan), MT (dirujuk)

Kanthaya Kalithas lwn Pendakwa Raya (MRRJ No J-05(H)-106–03 Tahun 2021) (tidak dilaporkan), MT (dirujuk)

Mohd Fairuz bin Mohd Noh (MRRJ No J-05(SH)-160–04 Tahun 2022) (tidak dilaporkan), MT (dirujuk)

Muhammad Anas bin Abdul Mutalib (MRRJ No J-05(SH)-159–04 Tahun 2022) (tidak dilaporkan), MT (dirujuk)

Muhammad Syafiq bin Salleh @ Hasan lwn Pendakwa Raya [2022] MLJU 68, MT (dirujuk)

Noor Azmi bin Adum (MRRJ No J-05(SH)-163–04 Tahun 2022) (tidak dilaporkan), MT (dirujuk)

Nurul Islam v Pendakwa Raya [2016] MLJU 652, MT (dirujuk)

Pendakwa Raya lwn Abdullah bin Wajid & Satu Yang Lain (MRRJ No K-05(H)-301–08 Tahun 2016) (tidak dilaporkan), MT (dirujuk)

Pendakwa Raya lwn Iswanto bin Lagiman [2023] MLJU 2789, MT (dirujuk)

Pendakwa Raya lwn Ramakrishnan a/l Subramaniam dan lain-lain [2013] 2 MLJ 549; [2012] 9 CLJ 443, MR (dirujuk)

Pendakwa Raya lwn Wong Hoe Liong (MRRJ No Q-05(H)-303–07 Tahun 2022) (tidak dilaporkan), MT (dirujuk)

Pendakwa Raya v Nur Bakti bin Abd Rahman & Herman (MRRJ No B-05(H)-85–02 Tahun 2024) (tidak dilaporkan), MR (dirujuk)

Pendakwa Raya v Prabu a/l Veeramuthu and Others [2010] MLJU 663; [2010] 8 CLJ 257; [2010] 1 LNS 695, MR (dirujuk)

PP v Mohd Nurhafidz bin Abu Bakar & Ors [2022] MLJU 708, MT (dirujuk)

Rosli bin Kitan dan lain-lain lwn Pendakwa Raya [2023] MLJU 3138, MT (dirujuk)

Rusli bin Genep lwn Pendakwa Raya (MRRJ No B-05(H)-476–10 Tahun 2023)(tidak dilaporkan), MT (dirujuk)

Saiful Izuan bin Mohd Shareff (MRRJ No J-05(SH)-162–04 Tahun 2022) (tidak dilaporkan), MT (dirujuk)

Sanmugan Satkunarasan lwn Pendakwa Raya (MRRJ No J-05(H)-109–03 Tahun 2021) (tidak dilaporkan), MT (dirujuk)

Thurairasa Sathyaruban lwn Pendakwa Raya (MRRJ No J-05(H)-108–03 Tahun 2021) (tidak dilaporkan), MT (dirujuk)

Zainal bin Lampe lwn Pendakwa Raya (MRRJ No B-05(H)-474–10 Tahun

2023) (tidak dilaporkan), MT (dirujuk)
Zali bin Saad dan lain-lain lwn Pendakwa Raya [2025] MLJU 928, MR (dirujuk)
Zulkifli bin Muhammad lwn Pendakwa Raya (MRRJ No J-05-155–04 Tahun 2022) (tidak dilaporkan), MT (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 ss 26A, 26H(1)(a), 26J
Akta Imigresen 1959/63 ss 6(1)(c), 15(1)(c)
Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (Pindaan) 2022
Kanun Keseksaan s 34

Rayuan daripada: *Pendakwa Raya lwn Tan Ke Huat dan lain-lain* [2024] MLJU 2600 (Mahkamah Tinggi, Ipoh)

How May Ling (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak perayu.
Francis Sinnappan (Faustina Francis bersamanya) (Francis & Co) bagi pihak responden.

Azmi Ariffin HMR:

MUKADIMAH

[1] Pendakwaan terhadap kedua-dua responden bermula di Mahkamah Tinggi Ipoh, Perak Darul Ridzuan bagi pertuduhan seperti yang berikut:

> Bahawa kamu antara 20.06.2023 hingga 30.06.2023, bertempat di kawasan Kebun Sawit Batu 10, Segari, di dalam daerah Manjung, di dalam Negeri Perak, bagi mencapai niat bersama didapati telah menjalankan penyeludupan ke atas tiga puluh lima (35) orang migran warganegara Iindonesia iaitu:
>
> (1) Sufian No. Paspot: C4411934
> (2) Sukarlan No. Paspot: C4902566
> (3) Ria Andika No. Paspot: C5266881
> (4) Mohammad Zairin No. Paspot: C6105002
> (5) Ahmad Nurfaizal No. Paspot: C1636339
> (6) Afrianel Purba No. Paspot: B8058515
> (7) Muhammad Risky No. Paspot: B2509818
> (8) Sudarmanto No. Paspot: C6752613
> (9) Irfan Susandy No. Paspot: E1294316

(10) Soratno No. Paspot: E2438701
(11) Muhammad Ilham Syafaat No. Paspot: C7345334
(12) Choerul Toriq Fidiyanto No. Paspot: Tiada
(13) Chandra Sitorus No. Paspot: Tiada
(14) Toni Widodo No. Paspot: Tiada
(15) Roy Hendra Subrajad No. Paspot: C9760633
(16) Ramadhan Sianipar No. Paspot: C6269700
(17) Andre Agus Hariadi No. Paspot: E0577621
(18) Alfatah Sofyan Rois No. Paspot: Tiada
(19) Mhd Ali No. Paspot: Tiada
(20) Abdul Latif No. Paspot: Tiada
(21) Erllangga Adit Pratama No. Paspot: E1698788
(22) Toto Tri Raharjo No. Paspot: B4912913
(23) Oli Yandana No. Paspot: Tiada
(24) Juniati Manalu No. Paspot: XE395178
(25) Nurimah Simanjuntak No. Paspot: XE433009
(26) Rika Padila Binti Imran No. Paspot: B3747199
(27) Marisina Siahaan No. Paspot: XE351458
(28) Maya Binti Jamson No. Paspot: C8687129
(29) Lisnawati Binti Misnan No. Paspot: Tiada
(30) Ina Indriani No. Paspot: E3171287
(31) Een @ Heni No. Paspot: C5515473
(32) Elvira Julianti No. Paspot: Tiada'
(33) Nurjannah No. Paspot: Tiada
(34) Rayyan (Kanak-Kanak Lelaki) No. Paspot: Tiada
(35) Mustafirun Nastain No. Paspot: XE427047

Oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 26A Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 dan dibaca bersama seksyen 34 Kanun Keseksaan.

[2] Pada 15 Julai 2024 pertuduhan tersebut telah dibacakan dan diterangkan kepada kedua-dua responden di dalam Bahasa Malaysia. Kedua-dua responden mengaku salah, memahami sifat dan akibat pengakuan salah mereka.

[3] Responden pertama (Siprianus Nahak Lutan) dan responden kedua (Klau Nofrianus Erick) masing-masing telah dijatuhi hukuman pemenjaraan selama 54 bulan bermula dari tarikh tangkap (8 Julai 2023).

[4] Terkilan dengan hukuman yang dikenakan, pada 29 Julai 2024, pendakwa raya telah memfailkan rayuan ke Mahkamah Rayuan terhadap hukuman.

FAKTA KES

[5] Pada 30 Jun 2023 jam lebih kurang 9.45 pagi, semasa pengadu iaitu Konstabel Muhammad Zulhairi bin Sirun sedang bertugas sebagai anggota kaunter pertanyaan Balai Polis Segari, pengadu telah terima maklumat daripada orang awam yang telah melihat sebuah bot terdampar di pesisir pantai berhampiran Pusat Konservasi Penyu, Segari disyaki membawa pendatang asing. Pengadu telah membuat laporan maklumat pertama sepertimana Segari Rpt 600/23.

[6] Bertindak atas maklumat, pada 30 Jun 2023 jam lebih kurang 1petang, KBSJD Manjung telah mengetuai sepasukan anggota dari BSJD IPD Manjung, Balai Polis Segari, Balai Polis Ayer Tawar, Balai Polis Pantai Remis, Balai Polis Pekan Gurney, PPM Kg Acheh dan D7 IPK Perak dan telah menahan seramai 24 orang lelaki, sepuluh orang perempuan dan seorang kanak-kanak lelaki warganegara Indonesia dalam keadaan mencurigakan di dalam Kebun Kelapa Sawit Batu 10, Segari, Perak. PATI yang ditahan adalah seperti berikut:

(a) Sufian (No Paspot: C4411934);
(b) Sukarlan (No Paspot: C4902566);
(c) Ria Andika (No Paspot: C5266881);
(d) Mohammad Zairin (No Paspot: C6105002);
(e) Ahmad Nurfaizal (No Paspot: C1636339);
(f) Afrianel Purba (No Paspot: B8058515);
(g) Muhammad Risky (No Paspot: B2509818);
(h) Sudarmanto (No Paspot: C6752613);
(i) Irfan Susandy (No Paspot: E1294316);
(j) Soratno (No Paspot: E2438701);
(k) Muhammad Ilham Syafaat (No Paspot: C7345334);
(l) Choerul Toriq Fidiyanto (No Paspot: Tiada);

(m) Chandra Sitorus (No Paspot: Tiada);
(n) Toni Widodo (No Paspot: Tiada);
(o) Roy Hendra Subrajad (No Paspot: C9760633);
(p) Ramadhan Sianipar (No Paspot: C6269700);
(q) Andre Agus Hariadi (No Paspot: E0577621);
(r) Alfatah Sofyan Rois (No Paspot: Tiada);
(s) Mhd Ali (No Paspot: Tiada);
(t) Abdul Latif (No Paspot: Tiada);
(u) Erllangga Adit Pratama (No. Paspot: E1698788);
(v) Toto Tri Raharjo (No Paspot: B4912913);
(w) Oli Yandana (No Paspot: Tiada);
(x) Juniati Manalu (No Paspot: XE395178);
(y) Nurimah Simanjuntak (No Paspot: XE433009);
(z) Rika Padila bt Imran (No Paspot: B3747199);
(aa) Marisina Siahaan (No Paspot: XE351458);
(ab) Maya bt Jamson (No Paspot: C8687129);
(ac) Lisnawati bt Misnan (No Paspot: Tiada);
(ad) Ina Indriani (No Paspot: E3171287);
(ae) Een @ Heni (No Paspot: C5515473);
(af) Elvira Julianti (No Paspot: Tiada);
(ag) Nurjannah (No Paspot: Tiada);
(ah) Rayyan (kanak-kanak lelaki) (No Paspot: Tiada); dan
(ai) Mustafirun Nastain (No Paspot: XE427047).

[7] Semakan ke atas kesemua PATI tersebut dapati sebahagian daripada mereka tidak memiliki dokumen perjalanan diri. Terdapat beberapa buah telefon bimbit dan passport dirampas di tempat kejadian. Hasil soal siasat ke atas PATI menyatakan mereka telah tinggal di sebuah rumah di kawasan Kampung Bharu dan salah seorang PATI tersebut boleh tunjukkan rumah tersebut. Seterusnya pegawai tangkapan telah tangkap kesemua PATI serta rampas barang kes dan dibawa pulang ke IPD Manjung untuk tindakan selanjutnya. Satu laporan polis telah dibuat sepertimana Segari Rpt 601/23.

[8] Bertindak atas maklumat, beberapa siri tangkapan ke atas OKT-OKT telah dibuat di beberapa tempat yang berbeza antara 30 Jun 2023 hingga 9 September 2023. Tangkapan pertama dibuat ke atas satu lelaki Cina bernama Tan Ke Huat (No K/P 710103–08–6609) iaitu OKT1 dan satu lelaki India bernama Ananthan a/l Subramaniam (No K/P 750729–08–5073) iaitu OKT2. Laporan tangkapan adalah sepertimana Kampung Bharu Rpt 369/23.

[9] Tangkapan kedua dibuat ke atas satu lelaki India bernama Suresh a/l P Arjunan (No K/P 850919–08–7211) iaitu OKT3. Laporan tangkapan dan rampasan adalah sepertimana Kampung Koh Rpt 458/23, Sitiawan Rpt 6547/23 dan Sitiawan Rpt 6550/23.

[10] Tangkapan ketiga dibuat ke atas dua lelaki warganegara Indonesia bernama Eko Rahmadani (No Pasport E2087576) iaitu OKT4 dan Erfanni (No Pasport B4540400) iaitu OKT5. Laporan tangkapan adalah sepertimana Btg Tiga Rpt 1762–1764/23.

[11] Tangkapan keempat pula telah dibuat ke atas satu lelaki Melayu bernama Mohd Johan bin Musa (No K/P 850613–08–5977) iaitu OKT6 dan satu lelaki Indonesia bernama Tuah (No Pasport C14111557) iaitu OKT7. Laporan tangkapan adalah sepertimana Teluk Intan Rpt 6862/23.

[12] Tangkapan terakhir telah dibuat ke atas satu lelaki India bernama Sivalingam a/l Suppramani, No K/P 761004–08–6283 iaitu OKT10. Laporan tangkapan adalah sepertimana Ayer Tawar Rpt 2281/23.

HASIL SIASATAN

[13] Kes ini telah disiasat bawah s 26A ATIPSOM 2007 oleh Insp G/23128 Muhammad Sollehuddin bin Rahmat, Pegawai Penyiasat di Bahagian Siasatan Jenayah IPD Manjung. Siasatan ke atas PATI mendapati bahawa mereka dalam perjalanan untuk pulang ke Indonesia melalui jalan belakang iaitu dengan menaiki bot di pesisir Pantai Segari. Mereka memilih menggunakan jalan belakang kerana pas mereka telah tamat tempoh serta ada juga yang tidak memiliki passport. Bayaran yang dikenakan adalah dalam lingkungan RM3,000 seorang.

[14] Seramai 20 orang PATI telah didapati melakukan kesalahan tinggal di Malaysia melebihi masa yang dibenarkan di dalam pas. Semakan ketulenan cap/pas lawatan di dalam passport kesemua PATI dari Jabatan Imigresen Malaysia Putrajaya dan mengesahkan bahawa cap/pas lawatan tersebut adalah tulen. Semakan rekod pergerakan keluar masuk melalui biometrik Jabatan Imigresen Malaysia Manjung juga sahkan terdapat rekod masuk ke Malaysia dan tiada rekod pergerakan keluar. Mereka semua telah dituduh bawah

s 15(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 (Akta 155) dan telah mengaku bersalah serta telah diusir pulang ke Indonesia.

[15] Manakala 13 orang PATI lagi telah didapati tidak memiliki dokumen perjalanan diri yang sah semasa berada di Malaysia. Semasa ditangkap, kesemua saspek ini tidak memiliki passport. Semakan biometrik dengan Jabatan Imigresen Malaysia Manjung mengesahkan tiada rekod pergerakan keluar/masuk didaftarkan atas nama mereka semua. Mereka semua telah dituduh di bawah s 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 (Akta 155) dan telah mengaku bersalah serta telah diusir pulang ke Indonesia.

[16] Keterangan daripada PATI-PATI di dalam rakaman deposisi mereka mengesahkan mereka datang dari beberapa daerah di Negeri Selangor. Mereka telah diangkut oleh beberapa tekong darat yang mengambil mereka di rumah setererusnya dibawa ke rumah transit di Teluk Intan dan di Kampung Bharu, Segari di Negeri Perak.

[17] Keterangan daripada PATI bernama Soratno, Choerul Toriq Fidiyanto, Roy Hendra Subrajad, Ramadhan Sianipar, Alfatah Sofyan Rois, Abdul. Latif dan Erllangga Adit Pratama mengesahkan sekitar 11hb hingga 19 Jun 2023 mereka telah diambil oleh OKT4 dan OKT5 dari Selangor dan membawa mereka tinggal sementara di rumah transit di Teluk Intan. Mereka diangkut secara bergilir-gilir dengan menaiki kereta jenis Honda Civic 2.5 warna perak nombor pendaftaran WA7288Q.

[18] Selanjutnya semakan pemilik kenderaan telah mendapati bahawa kereta tersebut dimiliki oleh isteri OKT4. Isteri OKT4 pernah diberitahu oleh OKT4 bahawa OKT4 kadangkala membuat perniagaan 'teksi' mengambil dan menghantar orang ke lokasi-lokasi seluruh Malaysia. Isteri OKT4 pernah bertanyakan kepada OKT4 adakah OKT4 pemandu Grab, namun dimaklumkan OKT4 hanya pemandu biasa untuk mencari wang. Isteri OKT4 tidak pernah tahu bahawa OKT4 membawa migran bagi tujuan salah.

[19] Keterangan daripada PATI-PATI juga mengesahkan mereka telah tinggal di rumah transit di Teluk Intan selama lebih kurang enam hari antara 19 Jun 2023 hingga 25 Jun 2023. Kesemua PATI seperti yang dinyatakan di dalam kertas pertuduhan pilihan OKT6 dan OKT7 mengecamkan bahawa OKT6 sebagai pemilik rumah transit tersebut dan camkan OKT7 sebagai pekerja OKT6. OKT6 dan OKT7 telah menyediakan tempat tidur dan makan minum sepanjang mereka tinggal di situ. Keterangan bapa OKT7 pula sahkan bahawa premis rumah transit tersebut hanya dijaga dan diselia sepenuhnya oleh OKT6. PATI-PATI akan menginap di situ sebelum diangkut oleh tekong darat sebelum dibawa ke kawasan pesisir Pantai Segari untuk pulang.

[20] Di samping itu, keterangan daripada PATI-PATI turut mengesahkan bahawa mereka telah dikumpulkan di sebuah rumah transit di Kampung Bharu yang dijaga oleh OKT1 dan OKT2 sebelum mereka pulang ke Indonesia. Pada 27 Jun 2023 jam lebih kurang 11 malam, semasa PATI-PATI berada di pesisir pantai Segari, mereka telah dimaklumkan bahawa bot tidak jadi berlayar pada malam itu, jadi mereka telah diangkut secara bergilir-gilir oleh OKT3 dan OKT10 untuk dibawa ke rumah transit Kampung Bharu. Mereka camkan OKT3 menggunakan kereta jenis Proton Wira warna coklat gelap nombor pendaftaran WHB 7928 manakala OKT10 pula menggunakan motorvan jenis Toyota Hiace 2.5 (D) warna putih nombor pendaftaran PMF3372. Mereka telah diangkut secara bergilir-gilir.

[21] Semasa tiba di rumah transit di Kampung Bharu, PATI-PATI telah ditempatkan di dalam bilik-bilik kosong yang disediakan oleh OKT1. Di sana, sepanjang masa mereka dijaga oleh OKT1 dan OKT2. OKT1 dan OKT2 telah memberikan mereka makanan, minuman dan bahan-bahan untuk memasak.

[22] Pada 29 Jun 2023 jam lebih kurang 10 malam, PATI-PATI telah diangkut oleh OKT3 dan OKT10 menuju semula ke kawasan hutan berdekatan pesisir pantai Segari dengan menggunakan kenderaan yang sama. Mereka diangkut secara bergilir-gilir memandangkan bilangan mereka yang ramai. Apabila sampai di sana, mereka telah diturunkan dan diarahkan oleh dua tekong darat untuk berjalan kaki menuju ke tepi pantai. Walau bagaimanapun, bot yang mereka ingin naiki telah pecah dan oleh itu semua PATI telah lari ke dalam ladang sawit yang berdekatan untuk menyelamatkan diri.

[23] Hasil siasatan ke atas kereta jenis Proton Wira warna coklat gelap nombor pendaftaran WHB7928 mendapati pemilik berdaftar ialah Mary a/p Kaliasam @ Sockalingam. Mary mengesahkan telah menjual kereta tersebut kepada OKT3 pada 27 Oktober 2020 namun tiada pertukaran nama di dalam geran dibuat kerana OKT3 sering menangguhkan urusan tersebut.

[24] Semakan pemilik kenderaan ke atas menggunakan motorvan jenis Toyota Hiace 2.5 (D) warna putih nombor pendaftaran PMF3372 pula mengesahkan bahawa motorvan tersebut didaftarkan atas nama Devi a/p Muniandy iaitu isteri OKT10. Isteri OKT 10 mengesahkan motorvan tersebut digunakan oleh OKT10 untuk tujuan mengangkut pekerja-pekerja estet di Sitiawan. Adakalanya motorvan tersebut disewakan kepada orang. Pada bulan Jun 2023, OKT10 ada memaklumkan kepada isterinya bahawa OKT3 telah meminta OKT10 untuk membawa motorvan bagi mengambil warga Indonesia untuk dibawa sembahyang. Pada awalnya OKT3 mahu menyewa van itu, tetapi OKT3 meminta OKT10 yang pandu dan memberikan

tambahan sewa RM50. Hal ini kerana OKT3 juga akan membawa warga Indonesia tersebut dengan memandu keretanya sendiri.

[25] Selanjutnya, keterangan daripada kesemua PATI juga menyatakan bahawa OKT8 dan OKT9 merupakan individu utama yang telah mengatur pergerakan mereka dari Selangor hingga ke rumah transit dan seterusnya ke pesisir pantai Segari untuk menaiki bot. Keterangan juga mengesahkan bahawa OKT8 dan OKT9 akan menerima bayaran daripada OKT4 dan OKT5 setelah OKT4 dan OKT5 mengangkut PATI dan dihantar ke rumah-rumah transit yg berkaitan. Hasil siasatan mendapati bahawa OKT8 dan OKT9 akan mengatur kemasukan bot-bot untuk mengambil PATI di pesisir pantai Segari untuk diseludup keluar dari Malaysia. Kesemua PATI mengecamkan OKT8 dan OKT9 yang berada di pesisir pantai Segari yang mengawasi mereka semua berjalan di dalam hutan dengan menggunakan parang. Semua PATI dikehendaki mengikut semua arahan OKT8 dan OKT9 semasa berada di tepi pesisir pantai tersebut.

[26] Hasil siasatan juga mendapati bahawa setiap OKT memainkan peranan yang berbeza dalam urusan penyeludupan seramai 35 orang migran warganegara Indonesia keluar dari Malaysia. Oleh yang demikian, berdasarkan siasatan yang telah dilakukan, adalah didapati bahawa:

(a) OKT1 dan OKT2 telah melakukan kesalahan bawah s 26H(1)(a) ATIPSOM 2007 dibaca bersama s 34 Kanun Keseksaan;

(b) OKT3, OKT4, OKT5 dan OKT10 telah melakukan kesalahan bawah s 26J ATIPSOM 2007; dan

(c) OKT5 dan OKT6 telah melakukan kesalahan bawah s 26H(1)(a) ATIPSOM 2007 dibaca bersama s 34 Kanun Keseksaan.

Peruntukan undang-undang yang berkaitan:

> Anti-Trafficking in Persons and Anti-Smuggling of Migrants 2007 (Act 670) (As at 22 February 2022)
>
> 26A Offence of smuggling of migrants
>
> Any person who carries out smuggling of migrants commits an offence and shall, on conviction, be punished with imprisonment for a term not exceeding twenty years, and shall also be liable to fine, or to both.

DAPATAN HAKIM MAHKAMAH TINGGI

[27] Di antara alasan penghakiman hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana adalah seperti yang berikut:

> [31] Dalam kes ini, OKT8 dan OKT9 telah mengaku salah sebaik sahaja

pertuduhan di bawah s 26A Akta 670 dibacakan, diterangkan dan difahami kesan dan akibat sekiranya OKT8 dan OKT9 mengaku salah. Sehubungan dengan itu, dalam memberi pertimbangan ke atas jangka masa tempoh pemenjaraan ke atas mereka, saya perlu memperingati diri saya berkaitan dengan kesalahan yang telah dilakukan oleh OKT8 dan OKT9.

[35] Sehubungan dengan itu, saya telah memberi pertimbangan kepada jenis kesalahan yang dilakukan, apa yang menyebabkan kesalahan ini dilakukan dan latar belakang OKT8 dan OKT9 semasa kesalahan ini dilakukan.

[36] Pada masa yang sama, saya turut memberi pertimbangan terhadap faktor-faktor mitigasi OKT8 dan OKT9 sebelum menjatuhkan hukuman terutamanya OKT8 dan OKT9 telah mengaku salah, OKT8 dan OKT9 telah berasa kesal atas kesalahan yang telah dilakukan dan berjanji untuk tidak akan melakukan sebarang kesalahan jenayah di masa akan datang.

[37] Dalam memberi pertimbangan terhadap faktor mitigasi OKT8 dan OKT9, saya turut mengingatkan diri saya bahawa saya juga perlu memberikan pertimbangan yang utama ke atas faktor kepentingan awam berbanding dengan faktor kepentingan OKT8 dan OKT9 sebagaimana yang diputuskan dalam kes *Public Prosecutor v Loo Choon Fatt* [1976] 2 MLJ 256; [1976] 1 LNS 102.

[38] Saya juga memberi perhatian bahawa pengakuan salah OKT8 dan OKT9 tidak semestinya bermakna suatu diskaun secara mutlak patut diberikan kepada OKT8 dan OKT9. Faktor-faktor lain juga perlu diberi pertimbangan oleh saya terutamanya jenis kesalahan dan bagaimana kesalahan itu dilakukan. OKT8 dan OKT9 merupakan individu utama yg telah mengatur pergerakan migran-migran dari Selangor hingga ke rumah transit dan seterusnya ke pesisir pantai Segari untuk menaiki bot. Dalam hal yang demikian, pengakuan bersalah OKT8 dan OKT9 tidak sepatutnya diberi pertimbangan secara berlebihan atau diberikan diskaun secara melulu.

[39] Setelah memberi pertimbangan terhadap faktor-faktor yang dinyatakan di atas, saya berpendapat adalah menjadi tugas saya untuk menjatuhkan hukuman yang setimpal ke atas OKT8 dan OKT9 bagi melindungi kepentingan awam dan sebagai langkah pencegahan memandangkan jenayah yang melibatkan penyeludupan manusia semakin berleluasa pada masa kini. Pertimbangan kepada kepentingan OKT8 dan OKT9 dan prinsip-prinsip hukuman yang lain seperti pengakuan salah, umur OKT8 dan OKT9, latar belakang dan keinsafan OKT8 dan OKT9 seharusnya dipertimbangkan dalam konteks kes ini.

[40] Seterusnya, trend hukuman semasa yang diberikan bagi kesalahan sebegini juga patut diteliti dan dijadikan pedoman dalam menentukan jumlah hukuman pemenjaraan yang sesuai kepada OKT8 dan OKT9.

[41] Saya turut melihat kepada trend hukuman semasa bagi kes-kes yang telah diputuskan melibatkan kesalahan yang serupa dengan kes ini yang mana hukuman yang diberikan adalah dalam lingkungan lima tahun sehingga lapan tahun.

[42] Sehubungan dengan pemerhatian saya dan dapatan saya di atas, serta berpandukan kepada trend hukuman semasa bagi kes-kes yang melibatkan kesalahan yang serupa, maka saya berpendapat hukuman penjara selama 54 bulan

dari tarikh tangkap 8 Julai 2023 yang dihadapi oleh OKT8 dan OKT9 adalah berpatutan. Dengan itu, saya berpendapat bahawa hukuman yang dikenakan ke atas OKT8 dan OKT9 adalah berlandaskan prinsip-prinsip hukuman yang betul dan berpatutan.

PRINSIP UNDANG-UNDANG BERKAITAN HUKUMAN DI PERINGKAT RAYUAN

[28] Di dalam kes *Pendakwa Raya v Prabu a/l Veeramuthu and Others* [2010] MLJU 663; [2010] 8 CLJ 257; [2010] 1 LNS 695, Mahkamah Rayuan melalui penghakiman yang disampaikan oleh Hasan Lah HMR (beliau pada ketika itu) menyatakan seperti yang berikut:

> [11] In an appeal against sentence an appellate court would not disturb the sentence imposed unless the trial court had erred in applying the correct principles of sentencing or had embarked on some unauthorized or extraneous exercise of discretion (see *Ganesan a/l Nachiappan & Ors v Public Prosecutor* [2000] 3 MLJ 244; [2000] 3 CLJ 302; *Public Prosecutor v Loo Choon Fatt* [1976] 2 MLJ 256; [1976] 1 LNS 102; *Bhandulananda Jayatilake v Public Prosecutor* [1982] 1 MLJ 83; [1981] 1 LNS 139 and *Yit Kean Hong v Public Prosecutor* [2005] 4 CLJ 592).

[29] Di dalam kes *Pendakwa Raya lwn Ramakrishnan a/l Subramaniam dan lain-lain* [2013] 2 MLJ 549; [2012] 9 CLJ 443, Azahar Mohamed HMR (beliau pada ketika itu) menyatakan seperti yang berikut:

> Mengikut prinsip penghukuman yang sedia ada, setiap orang yang bersalah akan menerima hukuman yang setimpal dengan bentuk kesalahan yang dilakukan. Mahkamah hendaklah menjatuhkan hukuman menurut undang-undang untuk menentukan supaya hukuman yang dikenakan terhadap pesalah itu adil, bersesuaian dan setimpal dengan apa-apa kesalahan yang dilakukannya itu. Adalah juga menjadi prinsip undang-undang yang mantap bahawa mahkamah yang mendengar rayuan tidak seharusnya campur tangan dengan hukuman yang dikenakan oleh hakim perbicaraan dan selalunya tidak akan menukar hukuman melainkan ianya berpuas hati bahawa hukuman yang dijatuhkan oleh hakim berkenaan itu ternyata amat tidak memadai atau mencukupi atau keterlaluan atau tidak sah atau pun tidak merupakan hukuman yang wajar memandangkan semua fakta yang didedahkan, atau bahawa mahkamah tersebut jelas tersalah didalam memakai prinsip yang betul dalam penilaian hukuman. Prinsip undang-undang yang menentukan kawalan dan semakan keputusan berkaitan dengan hukuman telah digariskan dengan jelas dalam kes *Bhandulananda Jayatilake v Public Prosecutor* [1982] 1 MLJ 83; [1981] 1 LNS 139 dan kes *Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v Public Prosecutor* [2002] 3 MLJ 193; [2002] 3 CLJ 457.

MITIGASI RESPONDEN-RESPONDEN

[30] Responden pertama (Siprianus Nahak Lutan) berumur 36 tahun dan bekerja di ladang ternakan. Telah berkahwin dan mempunyai seorang isteri dan dua orang anak yang masih kecil dan belajar dan juga mereka mempunyai tanggungan ibu bapa di negara asalnya iaitu di Indonesia.

[31] Responden kedua (Klau Nofrianus Erick) juga berusia 36 tahun dan telah berkahwin dan mempunyai seorang isteri dan dua orang anak yang masih kecil dan belajar. Beliau juga mempunyai tanggungan ibu bapanya di negara asal mereka, Indonesia.

[32] Kedua-dua responden mengaku salah sebaik-baik sahaja pertuduhan selesai dibacakan kepada mereka. Pengakuan salah ini telah banyak menjimatkan masa dan kos mahkamah.

[33] Seramai sepuluh orang tertuduh yang terlibat di dalam kes ini dan kesemua mereka memainkan peranan yang berlainan di dalam melakukan kesalahan ini.

KEPUTUSAN KAMI

[34] Pada hemat kami hukuman yang dijatuhkan oleh hakim perbicaraan terhadap kedua-dua responden ini adalah tidak setimpal dengan kesalahan yang telah dilakukan oleh mereka. Ini adalah kerana berdasarkan kepada fakta kes, kedua-dua responden ini memainkan peranan utama di dalam mengatur pergerakan kesemua pendatang asing tanpa izin (PATI) yang terlibat dari Selangor hingga ke rumah transit dan seterusnya ke pesisir pantai Segari untuk menaiki bot. Mereka juga mengawasi pergerakan kesemua PATI berjalan di dalam hutan dengan menggunakan parang. Semua PATI dikehendaki mengikut semua arahan kedua-dua responden semasa berada di tepi pesisir pantai tersebut. Mereka juga turut menerima ganjaran daripada tertuduh keempat dan tertuduh kelima daripada pekerjaan tidak sah yang mereka lakukan ini. Perbuatan mereka ini tidak boleh dipandang ringan meskipun diakui pengakuan salah mereka ini telah menjimatkan masa dan kos kesemua pihak.

[35] Tambahan lagi, sejak kebelakangan ini kesalahan jenayah yang melibatkan penyeludupan migran sering berlaku dan semakin berleluasa seperti yang sering dilaporkan di dalam media cetak dan elektronik. Penyeludupan migran adalah ianggap jenayah rentas sempadan yang kritikal pada ketika ini. Ia merupakan suatu kesalahan serius dan mampu menjadi ancaman kepada keselamatan, kestabilan dan keamanan negara Malaysia ekoran daripada peningkatan kes-kes jenayah yang membabitkan warga asing

terutamanya di bandar-bandar besar. Penguatkuasaan tegas dan berterusan harus diambil dengan segera oleh pihak berkuasa bagi membendung dan membenteras gejala jenayah ini sebelum ianya menjadi lebih parah lagi.

[36] Kami juga harus mengambilkira bahawa jumlah migran yang terlibat dalam kes adalah sebanyak 35 orang dan ini jelas menunjukkan bahawa penyeludupan yang dijalankan kedua-dua responden ini adalah di dalam skala yang besar.

[37] Bagi menangani masalah penyeludupan migran ini, kerajaan Malaysia telah mengambil beberapa langkah drastik bagi mengekang jenayah ini daripada terus menular. Di antara langkah drastik yang diambil adalah bila Parlimen Malaysia pada 22 Februari 2022 meluluskan pindaan kepada Akta 670 dengan menaikkan hukuman pemenjaraan bagi kesalahan penyeludupan migran di bawah s 26A Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 daripada 15 tahun pemenjaraan kepada 20 tahun pemenjaraan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (Pindaan) 2022 (A1644) (PU(B) 116/2022).

[38] Sebelum kami memutuskan tempoh hukuman yang setimpal dan bersesuaian dengan kesalahan yang telah dilakukan oleh kedua-dua responden ini, adalah penting bagi kami merujuk kepada *trends* hukuman duluan sebagai panduan yang amat bernilai meski pun ianya tidak mengikat. Di antaranya adalah seperti yang berikut:

(a) 5 Disember 2016:
Di dalam kes *Pendakwa Raya lwn Abdullah bin Wajid & Satu Yang Lain* (MRRJ No K-05(H)-301–08 Tahun 2016) (tidak dilaporkan), tertuduh telah mengaku salah di Mahkamah Tinggi bagi pertuduhan di bawah s 26A Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 bagi penyeludupan 18 orang migran dan dijatuhkan hukuman pemenjaraan selama empat tahun dari tarikh tangkap.
Pendakwa Raya telah memfailkan rayuan ke Mahkamah Rayuan terhadap hukuman. Rayuan dibenarkan dan hukuman pemenjaraan dinaikkan kepada lapan tahun dari tarikh tangkap;

(b) 16 Disember 2016:
Di dalam kes *Nurul Islam v Pendakwa Raya* [2016] MLJU 652, tertuduh telah mengaku salah di Mahkamah Tinggi bagi pertuduhan di bawah s 26A Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 bagi penyeludupan tiga orang migran dan dijatuhkan hukuman pemenjaraan selama sepuluh tahun dari tarikh tangkap.
Perayu/tertuduh telah memfailkan rayuan ke Mahkamah Rayuan terhadap hukuman. Rayuan perayu ditolak dan keputusan Mahkamah Tinggi terhadap hukuman dikekalkan;

(c) 1 Mei 2018:
Di dalam kes *Sanmugan Satkunarasan lwn Pendakwa Raya* (MRRJ No J-05(H)-109–03 Tahun 2021) (tidak dilaporkan), tertuduh telah mengaku salah di Mahkamah Tinggi bagi pertuduhan di bawah s 26A Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 bagi penyeludupan 127 orang migran dan dijatuhkan hukuman pemenjaraan selama sepuluh tahun dari tarikh tangkap.
Perayu/tertuduh telah memfailkan rayuan ke Mahkamah Rayuan terhadap hukuman. Rayuan perayu ditolak dan keputusan Mahkamah Tinggi terhadap hukuman dikekalkan;

(d) 1 Mei 2018:
Di dalam kes *Kanthaya Kalithas lwn Pendakwa Raya* (MRRJ No J-05(H)-106–03 Tahun 2021) (tidak dilaporkan), tertuduh telah mengaku salah di Mahkamah Tinggi bagi pertuduhan di bawah s 26A Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 bagi penyeludupan 127 orang migran dan dijatuhkan hukuman pemenjaraan selama sepuluh tahun dari tarikh tangkap.
Perayu/tertuduh telah memfailkan rayuan ke Mahkamah Rayuan terhadap hukuman. Rayuan perayu ditolak dan keputusan Mahkamah Tinggi terhadap hukuman dikekalkan;

(e) 1 Mei 2018:
Di dalam kes *Thurairasa Sathyaruban lwn Pendakwa Raya* (MRRJ No J-05(H)-108–03 Tahun 2021) (tidak dilaporkan), tertuduh telah mengaku salah di Mahkamah Tinggi bagi pertuduhan di bawah s 26A Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 bagi penyeludupan 127 orang migran dan dijatuhkan hukuman pemenjaraan selama sepuluh tahun dari tarikh tangkap.
Perayu/tertuduh telah memfailkan rayuan ke Mahkamah Rayuan terhadap hukuman. Rayuan perayu ditolak dan keputusan Mahkamah Tinggi terhadap hukuman dikekalkan;

(f) 7 Disember 2022:
Di dalam kes *Muhammad Anas bin Abdul Mutalib* (MRRJ No J-05(SH)-159–04 Tahun 2022) (tidak dilaporkan), tertuduh telah mengaku salah di Mahkamah Tinggi bagi pertuduhan di bawah s 26A Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 bagi penyeludupan 21 orang migran dan dijatuhkan hukuman pemenjaraan selama sepuluh tahun dari tarikh tangkap (8 Jun 2020).
Perayu-perayu/tertuduh-tertuduh telah memfailkan rayuan ke Mahkamah Rayuan terhadap hukuman. Rayuan perayu dibenarkan dan hukuman pemenjaraan dikurangkan dari sepuluh tahun kepada tujuh tahun dari tarikh tangkap (8 Jun 2020);

(g) 7 Disember 2022:
Di dalam kes *Mohd Fairuz bin Mohd Noh* (MRRJ No J-05(SH)-160–04

Tahun 2022) (tidak dilaporkan), tertuduh telah mengaku salah di Mahkamah Tinggi bagi pertuduhan di bawah s 26A Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 bagi penyeludupan 21 orang migran dan dijatuhkan hukuman pemenjaraan selama sepuluh tahun dari tarikh tangkap (8 Jun 2020).
Perayu-perayu/tertuduh-tertuduh telah memfailkan rayuan ke Mahkamah Rayuan terhadap hukuman. Rayuan perayu dibenarkan dan hukuman pemenjaraan dikurangkan dari sepuluh tahun kepada tujuh tahun dari tarikh tangkap (8 Jun 2020);

(h) 7 Disember 2022:
Di dalam kes *Public Prosecutor v Mohd Nurhafidz bin Abu Bakar & Ors* [2022] MLJU 708, tertuduh telah mengaku salah di Mahkamah Tinggi bagi pertuduhan di bawah s 26A Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 bagi penyeludupan 21 orang migran dan dijatuhkan hukuman pemenjaraan selama sepuluh tahun dari tarikh tangkap (8 Jun 2020).
Perayu-perayu/tertuduh-tertuduh telah memfailkan rayuan ke Mahkamah Rayuan terhadap hukuman. Rayuan perayu dibenarkan dan hukuman pemenjaraan dikurangkan dari sepuluh tahun kepada tujuh tahun dari tarikh tangkap (8 Jun 2020);

(i) 7 Disember 2022:
Di dalam kes *Saiful Izuan bin Mohd Shareff* (MRRJ No J-05(SH)-162–04 Tahun 2022) (tidak dilaporkan), tertuduh telah mengaku salah di Mahkamah Tinggi bagi pertuduhan di bawah s 26A Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 bagi penyeludupan 21 orang migran dan dijatuhkan hukuman pemenjaraan selama sepuluh tahun dari tarikh tangkap (8 Jun 2020). Perayu-perayu/tertuduh-tertuduh telah memfailkan rayuan ke Mahkamah Rayuan terhadap hukuman. Rayuan perayu dibenarkan dan hukuman pemenjaraan dikurangkan dari sepuluh tahun kepada tujuh tahun dari tarikh tangkap (8 Jun 2020);

(j) 7 Disember 2022:
Di dalam kes *Noor Azmi bin Adum* (MRRJ No J-05(SH)-163–04 Tahun 2022) (tidak dilaporkan), tertuduh telah mengaku salah di Mahkamah Tinggi bagi pertuduhan di bawah s 26A Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 bagi penyeludupan 21 orang migran dan dijatuhkan hukuman pemenjaraan selama sepuluh tahun dari tarikh tangkap (8 Jun 2020).
Perayu-perayu/tertuduh-tertuduh telah memfailkan rayuan ke Mahkamah Rayuan terhadap hukuman. Rayuan perayu dibenarkan dan hukuman pemenjaraan dikurangkan dari seouluh tahun kepada tujuh tahun dari tarikh tangkap (8 Jun 2020);

(k) 9 November 2022:

Di dalam kes *Zulkifli bin Muhammad lwn Pendakwa Raya* (MRRJ No J-05-155–04 Tahun 2022) (tidak dilaporkan), tertuduh telah mengaku salah di Mahkamah Tinggi di Mahkamah Tinggi bagi pertuduhan di bawah s 26A Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 bagi penyeludupan 24 orang migran dan dijatuhkan hukuman pemenjaraan selama sepuluh tahun dari tarikh tangkap.

Perayu/tertuduh telah memfailkan rayuan ke Mahkamah Rayuan terhadap hukuman. Rayuan perayu ditolak dan keputusan Mahkamah Tinggi di atas hukuman dikekalkan;

(l) 16 Jun 2023:

Di dalam kes *Muhammad Syafiq bin Salleh @ Hasan lwn Pendakwa Raya* [2022] MLJU 68, tertuduh telah mengaku salah di Mahkamah Tinggi di Mahkamah Tinggi bagi pertuduhan bawah s 26A Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 bagi penyeludupan seorang migran dan dijatuhkan hukuman pemenjaraan selama 8 tahun dari tarikh tangkap (22 September 2019).

Perayu/tertuduh telah memfailkan rayuan ke Mahkamah Rayuan terhadap hukuman. Rayuan perayu ditolak dan keputusan Mahkamah Tinggi di atas hukuman dikekalkan;

(m) 19 Jun 2023:

Di dalam kes *Pendakwa Raya lwn Wong Hoe Liong* (MRRJ No Q-05(H)-303–07 Tahun 2022) (tidak dilaporkan), tertuduh telah mengaku salah di Mahkamah Tinggi bagi pertuduhan di bawah 26A Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 bagi kesalahan penyeludupan sembilan orang migran warganegara Indonesia dan dijatuhkan hukuman pemenjaraan selama tiga tahun dari tarikh tangkap (10 Mac 2021).

Pendakwa raya telah memfailkan rayuan ke Mahkamah Rayuan terhadap hukuman. Rayuan dibenarkan dan hukuman pemenjaraan dinaikkan kepada tujuh tahun dari tarikh tangkap (10 Mac 2021);

(n) 23 Mei 2024:

Di dalam kes *Pendakwa Raya lwn Iswanto bin Lagiman* [2023] MLJU 2789, tertuduh telah mengaku salah di Mahkamah Tinggi bagi pertuduhan di bawah s 26A Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 bagi penyeludupan enam orang migran dan dijatuhkan hukuman pemenjaraan selama lima tahun dari tarikh tangkap (21 Mac 2021).

Pendakwa raya telah memfailkan rayuan ke Mahkamah Rayuan terhadap hukuman. Rayuan dibenarkan dan hukuman pemenjaraan dinaikkan kepada lapan tahun dari tarikh tangkap (21 Mac 2021);

(o) 5 July 2024:

Di dalam kes *Zainal bin Lampe lwn Pendakwa Raya* (MRRJ

No B-05(H)-474–10 Tahun 2023) (tidak dilaporkan), tertuduh telah mengaku salah di Mahkamah Tinggi bagi pertuduhan di bawah s 26A Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 bagi penyeludupan 21 orang migran dan dijatuhkan hukuman pemenjaraan selama lapan tahun penjara bermula dari tarikh tangkap (1 Julai 2022).
Perayu/tertuduh telah memfailkan rayuan ke Mahkamah Rayuan terhadap hukuman. Rayuan perayu ditolak dan keputusan Mahkamah Tinggi di atas hukuman dikekalkan;

(p) 5 July 2024:
Di dalam kes *Rosli bin Kitan dan lain-lain lwn Pendakwa Raya* [2023] MLJU 3138, tertuduh telah mengaku salah di Mahkamah Tinggi bagi pertuduhan di bawah s 26A Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 bagi penyeludupan 21 orang migran dan dijatuhkan hukuman pemenjaraan selama lapan tahun penjara bermula dari tarikh tangkap (1 Julai 2022).
Perayu/tertuduh telah memfailkan rayuan ke Mahkamah Rayuan terhadap hukuman. Rayuan perayu ditolak dan keputusan Mahkamah Tinggi di atas hukuman dikekalkan;

(q) 5 July 2024:
Di dalam kes *Rusli bin Genep lwn Pendakwa Raya* (MRRJ No B-05(H)-476–10 Tahun 2023) (tidak dilaporkan), tertuduh telah mengaku salah di Mahkamah Tinggi bagi pertuduhan di bawah s 26A Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 bagi penyeludupan 21 orang migran dan dijatuhkan hukuman pemenjaraan selama lapan tahun penjara bermula dari tarikh tangkap (1 Julai 2022).
Perayu/tertuduh telah memfailkan rayuan ke Mahkamah Rayuan terhadap hukuman. Rayuan perayu ditolak dan keputusan Mahkamah Tinggi di atas hukuman dikekalkan;

(r) 5 July 2024:
Di dalam kes *Ajiman bin Rahman lwn Pendakwa Raya* (MRRJ No B-05(H)-477–10 Tahun 2023) (tidak dilaporkan), tertuduh telah mengaku salah di Mahkamah Tinggi bagi pertuduhan di bawah s 26A Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 bagi penyeludupan 21 orang migran dan dijatuhkan hukuman pemenjaraan selama lapan tahun penjara bermula dari tarikh tangkap (1 Julai 2022).
Perayu/tertuduh telah memfailkan rayuan ke Mahkamah Rayuan terhadap hukuman. Rayuan perayu ditolak dan keputusan Mahkamah Tinggi di atas hukuman dikekalkan;

(s) 13 November 2024:
Di dalam kes *Pendakwa Raya v Nur Bakti bin Abd Rahman & Herman*

(MRRJ No B-05(H)-85–02 Tahun 2024) (tidak dilaporkan), tertuduh mengaku salah di Mahkamah Tinggi bagi pertuduhan di bawah s 26A Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 bagi penyeludupan 25 orang migran dan dijatuhkan hukuman pemenjaraan selama empat tahun dari tarikh tangkap (9 Oktober 2023). Pendakwa Raya telah memfailkan rayuan ke Mahkamah Rayuan terhadap hukuman. Rayuan dibenarkan dan hukuman pemenjaraan dinaikkan kepada lapan tahun dari tarikh tangkap (9 Oktober 2023); dan

(t) 3 Januari 2025:
Di dalam kes *Zali bin Saad dan lain-lain lwn Pendakwa Raya* [2025] MLJU 928, keempat-empat tertuduh mengaku salah di Mahkamah Tinggi bagi pertuduhan di bawah s 26A Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 bagi penyeludupan 33 orang migran dan dijatuhkan hukuman pemenjaraan selama lapan tahun dari tarikh tangkap (26 Januari 2023).
Perayu/tertuduh telah memfailkan rayuan ke Mahkamah Rayuan terhadap hukuman. Rayuan perayu ditolak dan keputusan Mahkamah Tinggi terhadap hukuman dikekalkan.

KESIMPULAN

[39] Setelah mendengar penghujahan lisan kedua-dua pihak berkaitan hukuman dan setelah mengambil pertimbangan faktor kepentingan awam, keseriusan kesalahan dan mitigasi kedua-dua responden, kami mendapati hukuman pemenjaraan yang dikenakan oleh hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana adalah tidak berpadanan atau *manifestly inadequate* dengan kesalahan yang telah dilakukan. Kami sebulat suara memerintahkan seperti yang berikut:

(a) rayuan pendakwa raya dibenarkan; dan

(b) hukuman pemenjaraan selama 54 bulan (empat tahun enam bulan) yang dijatuhi oleh hakim Mahkamah Tinggi diketepikan dan digantikan dengan hukuman pemenjaraan selama sembilan tahun dari tarikh tangkap (8 Julai 2023).

Rayuan pendakwa raya dibenarkan; hukuman yang dijatuhkan oleh HMT diketepikan dan digantikan dengan hukuman pemenjaraan selama sembilan tahun dari tarikh tangkap (8 Julai 2023).

Reported by Dzulqarnain Ab Fatar